

20/06/1998

Abim puji usaha Mahathir

ANGKATAN Belia Islam Malaysia (Abim) memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana usaha beliau yang konsisten dalam mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang berhak menentukan arah haluan sendiri.

Naib Presiden Abim, Abdul Halim Ismail, berkata pertubuhan itu turut menyokong pendapat Perdana Menteri bahawa orang luar memang mencemburui Malaysia yang berpotensi menjadi sebuah negara maju dan memberi saingan kepada mereka.

"Kerana itu kita harus berani mempertahankan maruah negara dengan apa cara sekalipun, di samping perlu berhati-hati agar tidak terperangkap dalam rencana mereka (pihak asing) yang penuh muslihat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini sebagai menyokong ucapan Dr Mahathir selaku Presiden Umno pada perasmian perhimpunan agung parti itu, di sini semalam.

(END)